

Lagi warga Iran ditahan di KLIA

Seludup 4 kilogram dadah RM800,000

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOFF
megat@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Sikap tamak warga Iran untuk mendapatkan upah yang lumayan dengan menyeludup dadah semakin menjadi-jadi apabila seorang lagi lelaki yang membawa empat kilogram kokain bernilai RM800,000 ditahan Ahad lalu.

Tangkapan pukul 3.45 petang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang itu dilakukan selepas polis mengesan suspek berusia 35 tahun yang baru tiba dari Dubai itu dalam keadaan mencurigakan.

Ketika itu, dia yang membawa sebuah beg kembara telah melepasi mesin pengimbas dan dipercayai dalam perjalanan untuk ke satu destinasi.

Tangkapan itu menjadikan jumlah warga Iran yang ditahan kerana dadah meningkat kepada 26 orang setakat ini.

Bagaimanapun, bagi kes terdahulu, suspek ditahan bersama dadah syabu dan ini me-

rupakan kes pertama bagi dadah jenis kokain.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Selangor, Asisten Komisioner Nordin Kadir berkata, sebaik diperiksa, pihaknya menemui satu bungkusan plastik lut sinar terbahagi kepada empat bahagian yang disorok di bawah beberapa helai pakaian.

"Setiap bahagian ini mengandungi dadah kokain dengan anggaran berat empat kilogram," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Nordin memberitahu, pihaknya tidak menolak kemungkinan sindiket terbabit cuba menyeludup kokain ke negara ini kerana mahu memonopoli pasaran tempatan.

"Sindiket terbabit dipercayai menjual kokain di negara ini serendah RM160,000 sekilogram berbanding harga sindiket tempatan lebih RM200,000 pada berat yang sama," ujarnya.

Suspek kini ditahan reman sehingga 28 Februari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum gantung sampai mati jika sabit kesalahan.



NORDIN menunjukkan kokain yang dirampas daripada seorang warga Iran di KLIA, Sepang pada sidang akhbar di Shah Alam semalam.

Info penyeludupan dadah warga Iran 2010

4 Feb. - KDRM rampas pelbagai jenis dadah RM7.4 juta dan menangkap lima lelaki di KLIA.

5 Feb. - KDRM merampas dadah RM1.74 juta dan menangkap tiga lelaki Iran di sekitar KLIA.

7 Feb. - KDRM menahan tiga lelaki Iran seludup syabu RM13.6 juta di KLIA.

9 Feb. - Polis umumkan 34 warga Iran ditahan dan merampas RM10.5 juta sejak Januari lalu.

10 Feb. - Polis menahan tujuh lelaki Iran dan merampas dadah RM3 juta.

11 Feb. - Polis menahan dua lelaki warga Iran termasuk dua warga Singapura dan merampas dadah RM9 juta di LCCT.